KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

# KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE

## UNTUK MAKLUMAN :

Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR

## 23 FEBRUARI 2022 (RABU)

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

# KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

## 23 FEBRUARI 2022 (RABU)

HARI : RABU

TARIKH : 23/2/2022

M/SURAT : 8

# 18 juta kit ujian kendiri tersedia dalam pasaran

**Putrajaya:** Kira-kira 18 juta Kit Ujian Pantas (RTK) Antigen COVID-19 kini tersedia dalam pasaran, kata Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Menurut KPDNHEP dalam satu kenyataan, semalam, jumlah kit ujian kendiri berkenaan berdasarkan pemantauan serta pemeriksaan berkala setiap hari, terutama pada peringkat pengimport, pengilang, pemborong dan peruncit bagi memastikan bekalannya sentiasa stabil dalam pasaran serta mudah diperoleh pengguna.

Sambil menjamin bekalan sedia ada mencukupi, katanya, sebanyak 8,084 premis runcit diberi kelulusan untuk menjual RTK yang diiktiraf Pihak Berkuasa Peranti Perubatan Malaysia (MDA).

Menurut kenyataan itu, lapan pengilang yang mendapat kebenaran bersyarat menghasilkan RTK di Malaysia, telah mengeluarkan 4.306 juta unit RTK hingga bulan ini.

"Malaysia juga mengimport 2.34 juta unit RTK dari tujuh negara.

"Jumlah keberadaan RTK tambahan dalam pasaran sehingga penghujung Februari ialah 6.647 juta unit.

"Berdasarkan statistik, aduan berhubung kekurangan bekalan RTK menunjukkan peratusan amat rendah, iaitu hanya tiga aduan diterima pihak kementerian sejak 1 Januari lalu hingga semalam (kelmarin)," katanya.

Malah, menurut kenyataan itu, kerajaan telah mengambil langkah proaktif bagi menjamin keberadaan dan bekalan RTK sentiasa mencukupi dalam pasaran.

Antara lain, katanya, RTK diwartakan sebagai barang kawalan bawah Perintah Kawalan Bekalan (Barang Barang Kawalan) (No.6) 2021 pada 24 November dan dikuatkuasakan 1 Disember tahun lalu.

Selain itu, kementerian sentiasa melaksanakan penguatkuasaan dengan melakukan pemantauan serta pemeriksaan berkala setiap hari, terutama pada peringkat pengimport, pengilang, pemborong dan peruncit.

Seterusnya, KPDNHEP menjelaskan, julat harga RTK dalam pasaran ketika ini ialah antara RM4.90 hingga RM19.90, dengan 80 peratus dijual bawah RM10 seunit.

Menurut kenyataan berkenaan, KPDNHEP memberi amaran kepada peniaga supaya terus mematuhi peruntukan undang-undang berkaitan penjualan RTK bagi mengelak dikenakan tindakan tegas.

Katanya, peniaga yang dikesan melakukan kesalahan berhubung perkara itu boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 22 Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961 serta Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan yang boleh dikenakan penalti sehingga RM1 juta atau dipenjarakan tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya bagi individu, manakala bagi syarikat pula boleh didenda sehingga RM2 juta, jika sabit kesalahan.




*Bekalan Kit Ujian Pantas Antigen COVID-19 sentiasa stabil dalam pasaran dan mudah diperoleh pengguna.* (Foto hiasan)

Harian Metro

HARI : RABU

TARIKH : 23/2/2022

M/SURAT : 7

# 18 juta RTK tersedia di pasaran: KPDNHEP

Putrajaya: Usah panik berikutan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi jaminan bekalan Kit Ujian Pantas Antigen Covid-19 (Ujian Kendiri) (RTK) mencukupi di pasaran.

KPDNHEP melalui kenyataannya semalam berkata, berdasarkan statistik penguatkuasaan dan pemantauan dilakukan mendapati wujud kira-kira 18 juta unit RTK tersedia di pasaran.

Menurutnya, 8,084 premis runcit diberi kelulusan kebenaran menjual RTK yang diiktiraf Pihak Berkuasa Peranti Perubatan Malaysia (MDA).

Katanya, lapan pengilang establismen yang mendapat kebenaran bersyarat menghasilkan RTK di Malaysia mengeluarkan 4.306 juta unit RTK sehingga Februari 2022.

"Malaysia juga mengimport 2.34 juta unit RTK dari tujuh negara dan jumlah keberadaan RTK tambahan di pasaran sehingga penghujung Februari sebanyak 6.647 juta unit.

"Berdasarkan statistik, aduan berhubung kekurangan bekalan RTK menunjukkan peratus yang rendah. Bermula 1 Januari sehingga 21 Februari lalu, terdapat tiga aduan diterima kementerian berhubung kekurangan bekalan kit ujian," katanya.

Kenyataan terbaru KPDNHEP itu susulan peningkatan kes Covid-19 dilaporkan sejak akhir-akhir ini sekali gus menyumbang kepada peningkatan dan pertambahan permintaan ke atas RTK di pasaran.

Bagi menjamin keberadaan dan bekalan sentiasa mencukupi di pasaran, kerajaan mengambil langkah proaktif mewartakan RTK sebagai barang kawalan di bawah Perintah Kawalan Bekalan (Barang Barang Kawalan) (No.6) 2021 pada 24 November 2021.

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI : RABU
TARIKH : 23/2/2022
M/SURAT : 16

KPDNHEP beri amaran kepada peniaga kit Covid-19

# Patuh arahan jualan ujian pantas RTK

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

**PUTRAJAYA** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi amaran kepada peniaga agar terus mematuhi peruntukan undang-undang berkaitan penjualan kit ujian pantas antigen Covid-19 (RTK) bagi elak dikenakan tindakan tegas.

Menurut kenyataan KPDNHEP, pihak kementerian mengambil maklum peningkatan kes Covid-19 yang dilaporkan dalam media arus perdana akhir-akhir ini, menyumbang kepada peningkatan permintaan ke atas RTK dalam pasaran.

"Berdasarkan statistik penguatkuasaan dan pemantauan yang telah dilakukan, sehingga kini terdapat kira-kira 18 juta unit RTK tersedia dalam pasaran.

"Sejumlah 8,084 premis runcit telah diberi kelulusan kebenaran menjual RTK diiktiraf oleh Pihak Berkuasa Peranti Perubatan Malaysia (MDA)," katanya di sini semalam.

KPDNHEP berkata, sebagai makluman, lapan pengilang Establismen yang mendapat kebenaran bersyarat menghasilkan RTK di Malaysia telah mengeluarkan sejumlah 4.306 juta unit RTK sehingga Februari, manakala negara telah mengimport sejumlah 2.34 juta unit RTK dari tujuh negara.

"Jumlah keberadaan RTK tambahan di pasaran sehingga hujung Februari adalah 6.647 juta unit," katanya.

Berdasarkan statistik, aduan daripada pengguna berhubung kekurangan bekalan RTK menunjukkan peratus sangat rendah iaitu pada tahun ini bermula 1 Januari sehingga semalam, hanya tiga aduan diterima oleh pihak kementerian.

Katanya, julat harga RTK di pasaran adalah antara RM4.90 hingga RM19.90 pada ketika ini, manakala 80 peratus RTK dijual di bawah RM10 seunit.

Dalam pada itu, kenyataan itu menyebut, kerajaan mengambil langkah proaktif dengan mewartakan RTK sebagai barang kawalan di bawah Perintah Kawalan Bekalan (Barang-Barang Kawalan) (No.6) 2021 pada 24 November lalu dan telah dikuatkuasakan pada 1 Disember lalu.




UJIAN kit kendiri Covid-19 didakwa kehabisan stok di pasaran hanya dalam peratusan yang rendah.

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI : RABU
TARIKH : 23/2/2022
M/SURAT : 11

# 18 juta unit ujian kendiri RTK ada di pasaran




Sebanyak 18 juta unit RTK Antigen Covid-19 tersedia di pasaran.

PUTRAJAYA - Sebanyak 18 juta unit kit ujian pantas (RTK) Antigen Covid-19 tersedia di pasaran.

Ia berdasarkan statistik penguatkuasaan dan pemantauan yang dilakukan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

KPDNHEP dalam kenyataannya memaklumkan, lapan pengilang yang mendapat kebenaran bersyarat menghasilkan RTK di Malaysia telah mengeluarkan 4.306 juta unit sehingga Februari.

"Manakala, negara telah mengimport 2.34 juta unit RTK dari tujuh negara. Jumlah keberadaan RTK tambahan di pasaran sehingga hujung Februari adalah 6.647 juta unit," kata kenyataan itu pada Selasa.

Ujar kementerian itu, aduan berhubung kekurangan bekalan RTK menunjukkan peratus yang sangat rendah.

"Pada tahun ini bermula 1 Januari sehingga 21 Februari hanya tiga aduan sahaja diterima berhubung kekurangan bekalan kit ujian ini.

"Julat harga RTK di pasaran adalah antara RM4.90 hingga RM19.90 pada ketika ini namun 80 peratus RTK dijual di bawah RM10 seunit.

"Justeru, peniaga diberi amaran agar terus mematuhi peruntukan undang-undang berkaitan penjualan RTK ini bagi mengelakkan tindakan tegas diambil KPDNHEP," jelas kenyataan itu.

Menurut KPDNHEP, peniaga yang dikesan melakukan kesalahan berhubung perkara ini boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 22, Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961 dan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan.

"Pengguna yang mempunyai sebarang maklumat salah laku peniaga berhubung bekalan dan harga RTK boleh kemuka aduan berserta butiran lengkap melalui WhatsApp 019-279 4317," kata kenyataan itu.

HARI : RABU
TARIKH : 23/2/2022
M/SURAT : 4

# 18 million self-test kits available in market

**PUTRAJAYA:** The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry has issued an assurance on adequate supply of self-test Covid-19 Antigen Rapid Test Kits, with some 18 million units available in the market currently.

The ministry said in a statement yesterday that the availability of the test kits was based on daily monitoring and inspections conducted by the ministry on importers, manufacturers, wholesalers and retailers to ensure a stable supply in the market.

The test kits were gazetted as a controlled item under the Control of Supplies (Controlled Goods) Order on Nov 24 last year and came into force a week later to ensure its availability and sufficient supply in the market.

According to the ministry, eight manufacturers that been given conditional permission to produce the test kits in Malaysia have produced a total of 4.306 million units as of this month, while a total of 2.34 million units have been imported from seven countries.

On complaints of a shortage, the ministry said only three reports were received between Jan 1 and Monday, adding that the price range of the kits were between RM4.90 and RM19.90 per unit.

"Eighty percent of the kits are sold for under RM10 per unit."

The ministry also said a total of 8,084 retail premises have been given permission to sell the kits, that are recognised by the Malaysian Medical Device Authority.

The public has been advised not to panic over reports on the increase in Covid-19 cases by making excessive purchases of the kits. – Bernama

NEW STRAITS TIMES

HARI : RABU

TARIKH : 23/2/2022

M/SURAT : 4

18 MILLION UNITS AVAILABLE

# Ministry: Only 3 complaints of test kit shortage

**KUALA LUMPUR:** The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry has received only three complaints this year on a shortage of Covid-19 antigen rapid test kits (RTK-Ag).

The ministry said there were currently 18 million RTK-Ag test kits sold at some 8,084 stores nationwide, at prices between RM4.90 and RM19.90.

Almost 80 per cent of the test kits, it said, were priced below RM10.

"The government has taken proactive measures by gazetting the RTK-Ag test kit as a controlled item under the Control of Supplies (Controlled Goods) Order (No. 6) 2021 on Nov 24, 2021, that took effect on Dec 1, 2021, to ensure the availability and adequate supply of the item.

"In fact, the eight manufacturers that have obtained conditional approval to make RTK-Ag test kits have produced 4.306 million test kits, up to February.

"The country has also imported 2.34 million test kits from seven countries. So, there is an additional 6.647 million test kits in the market, as of the end of February.

"Based on our statistics, the ministry noted a very low complaint rate on the lack of test kits this year, with only three reports lodged so far between Jan 1 and Feb 21," it said in a statement yesterday.

The ministry said it was inspecting all stages of the supply chain daily.

It said traders could be imprisoned or fined, or both, if found to be profiteering.

Companies face a RM2 million fine if convicted of the offence.

The ministry's enforcement director, Azman Adam, on Feb 13 said some parts of the country had test kit shortages due to a spike in Covid-19 cases and delivery delays from manufacturers in China during Chinese New Year.

NEW STRAITS TIMES

HARI : RABU
TARIKH : 23/2/2022
M/SURAT : 6

# Running short of test kits

## Panic buying and delay in supply the cause, say pharmacies

By JOSEPH KAOS Jr, JUNAID IBRAHIM and PANG SHIANG YIH
newsdesk@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** Pharmacists are still feeling the pinch despite the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry's assurance that there is an adequate supply of Covid-19 self-test kits in the market.

Pharmacy chains and stores in the Klang Valley said self-test kit stocks are only expected to return to normal in a few weeks.

Caring Pharmacy Retail Management Sdn Bhd's chain is experiencing a shortage, said its head of procurement, health, beauty and own brands category Foo Fung Jiun.

"Our stock is running low due to the panic buying last week. Stock is coming in by batches in the next one to three weeks," he said, adding the shortage is possibly due to business owners buying the kits in bulk for their employees.

As the demand for the home kit increased, he said some suppliers took advantage by increasing the price by between 10% and 15%.

"We have had suppliers increasing prices since last week, claiming supply is limited," Foo added.



**Hiccups in the supply chain:** People stocking up on the Covid-19 test kits at home due to rising Covid-19 cases. – FAIHAN GHANI/The Star.

Checks on pharmacies in Kuala Lumpur and Subang Jaya also indicated a disruption to the supply chain.

"The last two weeks, our pharmacy was supposed to receive new shipments of self-test kits, but it's been delayed until today," said Ismawati Ismail, who works at the AA Pharmacy store in Taman Desa, Kuala Lumpur.

She said the only type of brands left on the shelves were the more expensive ones costing RM9.90.

"Customers who buy in bulk prefer to get the cheaper brands that cost RM4.90 per box, but these have been sold out and haven't been restocked in the past few weeks," she added.

A pharmacist at the Well Love Pharmacy in Taman Desa said while the number of kits in the store is still adequate, there is indeed a disruption in supply due to logistical issues.

"We were told that the supply is disrupted because there is congestion in Port Klang," she said.

A woman wanting to be known only as Emily, who works at Health Lane Family Pharmacy, said that there is panic buying going on.

"A lot of customers are stocking up – even though stocks are still available, demand is moving very fast, and the supply has to chase that demand," she said, adding that her pharmacy expects its supply to stabilise only by mid-March.

Suzane, a pharmacist in Subang Jaya, said that there has been a shortage of self-test kits since Chinese New Year.

"During those two weeks, we really couldn't find supplies and we had to sell whatever stock we had in our pharmacy," she added.

Malaysian Pharmacists Society (MPS) president Amrahi Buang said the supply situation in pharmacies has improved compared with last week.

"The MPS is glad to finally hear a response from the ministry," he added.

Amrahi also brought up the issue of the quality of self-test kits, as there have been cases of false positives and false negatives reported by the public.

"This will affect follow-up actions to curb the Omicron wave. We have to wait for the Medical Devices Authority (MDA) for its response to this," he added.

NEW STRAITS TIMES

HARI : RABU
TARIKH : 23/2/2022
M/SURAT : 6

# Enough kits in Ipoh, but one paracemotal brand sold out

By ILI AQILAH and IVAN LOH
newsdesk@thestar.com.my

IPOH: Covid-19 Antigen Rapid Test Kits or RTKs are still well-stocked in pharmacies here but supplies for a brand of paracetamol products are running low. A check at several shops found that the test kits are still available in various forms.

According to one Ipoh Garden South-based pharmacy, the test kits are restocked from time to time.

"At our pharmacy, we have the saliva type, nasal-swab and the 'lollipop' test kits," said a sales assistant.

"The lollipop ones are sold at RM8.90 per unit while saliva and nasal swabs are sold at RM6.90 as they are from different brands," he said when contacted yesterday.

There had been complaints of shortage of the RTKs in the market while the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry had assured that the supply was still adequate.

Meanwhile, in Cameron Highlands, a handful of pharmacies still have the RTKs.

A farm worker, who only wanted to be known as Wong, said the RTKs were limited.

"Some shops have run out while some still have it. Some farm owners resorted to buying the RTKs and paracetamol from Ipoh and have these delivered to the highlands," she said.

*The Star* had also recently ran a story assuring the public there is no need to be concerned about a purported shortage of paracetamol as the current shortage only affects one leading brand.

> **"Some farm owners resorted to buying paracetamol from Ipoh and have it delivered to the highlands."**
> Wong (farm worker)

NEW STRAITS TIMES

HARI : RABU

TARIKH : 23/2/2022

M/SURAT : 6

# Ministry: Only three complaints received on shortage

**PUTRAJAYA:** On complaints of a shortage of Covid-19 Antigen Rapid Test Kits (RTKs) in the market, only three reports were received from Jan 1 until Monday, says the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry.

The price ranges from RM4.90 to RM19.90 each.

"Eighty per cent of RTKs are sold for under RM10 per unit," said the ministry in a statement.

A total of 8,084 retail premises have been given permission to sell RTKs recognised by the Malaysian Medical Device Authority.

"There is enough supply of RTKs with some 18 million units in the market now," added the ministry.

The availability of RTKs was based on daily monitoring and inspections carried out by the ministry on importers, manufacturers, wholesalers and retailers to ensure a stable supply of the product, it said.

RTKs were gazetted as a controlled item under the Control of Supplies (Controlled Goods) Order (No.6) 2021 about three months ago.

The order came into force on Dec 1, 2021 to ensure availability and a sufficient supply, Bernama reported the ministry as saying.

Eight manufacturers given the conditional permission to produce RTKs in Malaysia have produced a total of 4.306 million units as of this month, the ministry said. A total of 2.34 million units have been imported from seven countries.

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI : RABU
TARIKH : 23/2/2022
M/SURAT : 16



**Senarai Harga Barang Keperluan**

| | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Ayam | RM7.99 | Telur Gred A | RM12.60 | Gula Pasir | RM2.85 | Cili Merah | RM11.99 |
| Daging Lembu Tempatan | RM47.90 | Ikan Kembung | RM16.99 | Bawang Besar Holland | RM2.39 | Kubis Bulat Tempatan | RM3.99 |
| Daging Lembu Import | RM35 | Minyak Masak | RM6.50 | Bawang Putih | RM5.50 | Tepung Gandum | RM2.25 |

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI : RABU

TARIKH : 23/2/2022

M/SURAT : 3


30
NEGERI SEMBILAN

Kilang mi guna logo halal tidak sah diserbu

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI : RABU
TARIKH : 23/2/2022
M/SURAT : 30

# Kilang mi guna logo halal tidak sah diserbu

Siasatan mendapati sijil pengesahan halal telah tamat tempoh pada 2016

Oleh NORAFIDAH ASSAN

SEREMBAN



FOTO: KPDNHEP

Pegawai penguat kuasa menyerbu sebuah premis di Taman Industri Ringan, Seremban pada Selasa.

Sebuah kilang mi di Taman Industri Ringan di sini diserbu sepasukan penguat kuasa selepas disyaki menggunakan logo halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) pada produk makanan tanpa mendapat perakuan halal yang sah daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS).

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Sembilan, Ain Arjuna Aziz Zaman berkata, seramai lima pegawai penguat kuasa KPDNHEP bersama empat pegawai JHEAINS telah menjalankan operasi penguatkuasaan halal di premis berkenaan pada jam 8.30 pagi, Selasa.

"Tindakan ini adalah hasil daripada pemantauan yang dibuat oleh pihak KPDNHEP Negeri Sembilan dan JHEAINS selama seminggu.

"Hasil daripada siasatan dan pemeriksaan yang dijalankan oleh pegawai penguat kuasa mendapati sijil pengesahan halal bagi produk yang dihasilkan di premis tersebut telah tamat tempoh pada 2016," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Jelas beliau, perniagaan itu dimiliki oleh seorang warganegara tempatan dan telah beroperasi sejak 2013.

"Sehubungan itu, satu tindakan kes telah diambil atas kesalahan di bawah Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011. Sitaan berjumlah RM50 telah dilakukan membabitkan 33 bungkus mi dan dua gulung plastik pembungkus yang mempunyai logo halal tidak sah.

"Peniaga diingatkan supaya tidak menggunakan logo halal Jakim sekiranya tidak mendapat sijil halal yang sah daripada pihak berkuasa yang bertanggungjawab.

"Penggunaan logo halal adalah untuk pemegang sijil halal yang sah sahaja dan tidak boleh sewenang-wenangnya disalahgunakan," tegas beliau.